

**PENGARUH INTERNET DI KALANGAN REMAJA :
SATU KAJIAN KES TERHADAP REMAJA DI KUCHING**

**DISEDIAKAN OLEH
ROSELINAWATI BINTI HAMDAN
HASLINA BINTI MARZOKI
HARTINE BINTI SUGIMAN
LEHA BINTI ULIS
MOHAMAD SAPI'EE BIN HJ BOL**

**Kajian Penyelidikan ini dipersembahkan sebagai sebahagian syarat untuk memenuhi
kehendak Program Diploma Pentadbiran Awam**

**DIPLOMA PENTABDIRAN AWAM
FAKULTI PENTADBIRAN DAN UNDANG-UNDANG
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

MAC 2001

ABSTRAK

Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji pengaruh internet terhadap kehidupan remaja masa kini terutamanya di kawasan Kuching. Ia juga bertujuan menentukan adakah internet ini membawa perubahan sosial yang ketara terhadap perkembangan moral dan pemikiran remaja. Di samping itu, ia juga menilai peranan ibubapa dan pihak lain dalam menangani sebarang pengaruh yang timbul hasil pengaruh internet terhadap anak-anak remaja mereka.

Berdasarkan kepada analisis, didapati majoriti pengguna internet remaja internet adalah golongan yang berusia 15 hingga 17 tahun dan telah menggunakannya selama 1 hingga 3 tahun. Kebanyakan remaja juga sanggup menghabiskan masa yang lama dan kos perbelanjaan yang tinggi hanya untuk melayari internet terutama bagi tujuan mengisi masa lapang mereka. Tetapi walaupun remaja mendapat galakan yang tinggi daripada ibubapa untuk menggunakan internet tetapi ramai ibubapa tidak mengawasi mereka semasa melayari internet. Selain daripada itu juga, peralihan budaya melepak daripada pusat membeli belah ke pusat kafe siber menjadi satu trend sosial terbaru remaja.

Semoga dengan adanya kesimpulan serta cadangan yang telah diberi, maka beberapa alternatif dapat diusahakan agar penggunaan internet dapat dimanfaatkan dengan sebaiknaya dan meminimumkan apa jua pengaruh yang dibawanya ke alam kehidupan remaja.

JADUAL KANDUNGAN

	Muka Surat
Penghargaan	I
Abstrak	II
Senarai Daftar Istilah	III
Senarai Singkatan Nama	V
Jadual Kandungan	VI
Senarai Jadual	IX
Senarai Rajah	X
Bab 1	Pengenalan [?]
1.1	Pendahuluan 1
1.2	Penyata Masalah 4
1.3	Objektif Kajian 5
1.4	Skop Kajian 6
1.5	Hipotesis Kajian 7
1.6	Andaian Kajian 8
1.7	Kepentingan Kajian 9
1.8	Batasan Kajian 10
Bab 2	Ulasan Karya
2.1	Pengenalan 12

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Internet merupakan “global web of computer networks”, satu rangkaian komputer antarabangsa yang menghubungkan berjuta-juta komputer di seluruh dunia. Ia mempunyai banyak maklumat untuk dicapai oleh sesiapa sahaja dan menyediakan penghantaran maklumat serta-merta ke seluruh dunia serta berkomunikasi. Berbeza dengan dahulu, kini internet mudah untuk dilangani melalui pelbagai kaedah dan kos yang murah.

Pada awal tahun 1969, teknologi internet telah dikesan oleh Advanced Research Project Agency, dibawah pentadbiran Jabatan Pertahanan Amerika yang telah membuat penyelidikan tentang rangkaian tersebut. Rekabentuk rangkaian komputer seperti Local Area Networks (LAN) dan Wide Area Networks (WAN) yang mulai direka pada tahun 1960 hingga 1970 telah membawa teknologi internet pada masa ini. Namun begitu, revolusi internet di Malaysia hanya wujud pada tahun 1987 dengan tertubuhnya Rangkaian Komputer Malaysia (RangKom) yang hanya digunakan oleh universiti-universiti tempatan dan pihak swasta. Bertitik-tolak daripada pengalaman tersebut, maka muncullah projek Joint Advanced Research Integrated Networking (JARING) dilancarkan pada tahun 1991 yang dikendalikan sepenuhnya oleh Malaysia Institute Of Microelectronics Systems (MIMOS) sebagai Penyedia Perkhidmatan Internet Pertama di Malaysia

BAB 2

ULASAN KARYA

2.1 Pengenalan

Pengaruh IT akan memberi kesan yang amat luas dalam mencorakkan budaya hidup masyarakat negara maju mahupun negara membangun di abad ke 21. Perkembangan IT yang pesat dan pantas akan mencorakkan perubahan dan kemajuan yang akan memecahkan tembok budaya, politik dan kenegaraan dan seterusnya mewujudkan “Dunia Tanpa Sempadan”.

2.2 Definisi

Di dalam Kamus Dwibahasa (1993), pengaruh dimaksudkan sebagai kuasa untuk mengubah sifat (kepercayaan, kelakuan seseorang) melalui tauladan (paksaan dan lain-lain). Definisi ini jelas menunjukkan pengaruh mempunyai kesan yang mendalam baik positif mahupun negatif terhadap perilaku dan kehidupan manusia.

Zaman remaja dikatakan sebagai jangka masa atau waktu yang penuh dengan konflik dan masalah disebabkan pada permulaan remaja dimulakan dengan perubahan-perubahan fisiologi dan diakhiri dengan perubahan psikososial. Remaja bermaksudkan di dalam Kamus Dewan sebagai orang yang mulai dewasa, sudah akil baligh, sudah cukup umur untuk kahwin, muda dan timbul cinta berahi. Peringkat usia remaja boleh terbahagi kepada tiga kelompok usia iaitu awal remaja (12 – 14 tahun), remaja menengah (15 – 19 tahun) dan akhir remaja (20 –